

09/06/2002

MRSM: Bukan Bumiputera juga dapat bantuan

KANGAR: Pelajar miskin bukan Bumiputera yang diterima masuk ke Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) mengikut kuota 10 peratus yang diputuskan kerajaan mungkin diberi bantuan perbelanjaan harian sama seperti Bumiputera.

Ketua Pengarah Mara, Datuk Mohd Mydin Mohd Sheriff, berkata pihaknya akan mengkaji perkara itu dan berpendapat pelajar bukan Bumiputera yang miskin wajar menerima bantuan yang sama.

"Kalau dia (Bumiputera) miskin mengikut takrifan kita, kita bagi bantuan duit poket. Kepada bukan Bumiputera pun kita beri jika dia miskin...ini saya kena tengok balik dan periksa dulu," katanya kepada pemberita selepas pelancaran program Sirih Pulang Ke Gagang Persatuan Bekas Pelajar MRSM Malaysia (Ansara), di MRSM Beseri, di sini semalam.

Pelancaran itu disempurnakan Menteri Besar Datuk Seri Shahidan Kassim. Turut hadir Presiden Ansara, Mukhriz Mahathir.

Mohd Mydin berkata, pelajar MRSM yang miskin kini diberi bantuan perbelanjaan harian RM20 hingga RM25 sebulan, selain makanan percuma di asrama.

Mengenai kriteria pelajar bukan Bumiputera yang akan diterima masuk MRSM, beliau berkata mereka akan dipilih daripada keluarga miskin luar bandar atau mempunyai bilangan adik-beradik yang ramai.

"Kita akan beri mata kemasukan bonus 30 peratus kepada pelajar India dan Cina yang miskin dan mempunyai bilangan adik-beradik ramai di luar bandar...ini adalah kriteria, kita akan bantu kumpulan ini" katanya.

Beliau berkata, dua MRSM di Sabah dan Sarawak tidak akan terbabit dengan cadangan pemberian 10 peratus kuota kemasukan kepada pelajar bukan Bumiputera.

(END)